

10/03/1997

Dr Mahathir beri taklimat MSC

LANGKAWI, Ahad - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini memberi taklimat kepada 20 pengarang dan pegawai kanan akhbar serta media elektronik mengenai Koridor Raya Multimedia (MSC) dan pelaksanaannya.

Taklimat sejam di Hotel Radisson, Tanjung Rhu di sini, antara lain menyentuh mengenai konsep MSC, faedahnya kepada negara dan rakyat serta bagaimana ia dilaksanakan.

Turut hadir Pengarah Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia, Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah; Ketua Pengarah Penyiaran Datuk Jaafar Kamin; dan Pengarah Urusan TV3, Zahari Omar.

Semalam, Dr Mahathir mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana MSC yang turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Razak.

(END)